

**Felcra Umum Pengagihan Dividen Berjumlah RM914 Juta
Bernama
12 Februari , 2012**

TELOK INTAN, 12 Feb (Bernama) -- Felcra Berhad hari ini mengumumkan pengagihan dividen berjumlah RM914 juta bagi tahun lepas.

Pengerusinya Datuk Tajuddin Abdul Rahman berkata daripada jumlah itu sebanyak RM839 juta akan diagihkan kepada 94,000 peserta Felcra di seluruh negara.

"Dividen itu akan diagihkan kepada peserta dan pihak yang berkenaan termasuk golongan miskin di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT)," katanya kepada pemberita selepas melawat tapak program Perhimpunan Rakyat dan Perhimpunan Felcra Peringkat Kebangsaan di Felcra Changkat Lada di Kampung Gajah dekat sini.

Perhimpunan itu akan diadakan Sabtu depan dan dijangka dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Pada tahun 2010, Felcra mengagihkan dividen berjumlah RM544 juta kepada pesertanya.

Sementara itu, Tajuddin berkata Felcra akan mewujudkan dana pelaburan yang akan diuruskan oleh syarikat Pelaburan Felcra Berhad dengan suntikan awal sebanyak RM100 juta.

Beliau berkata dana pelaburan itu adalah inisiatif baru bagi mengurangkan kebergantungan terhadap hasil ladang oleh peserta Felcra kerana hasil daripada perladangan yang semakin terhad berikutan masalah kekurangan tanah.

Tajuddin berkata dana tersebut akan diuruskan oleh lembaga amanah yang profesional dan menurutnya Felcra juga menggalakkan peserta untuk menabung dalam dana pelaburan berkenaan.

"Saya menjangkakan kalau peserta pun melabur, Felcra pun melabur, kita akan boleh wujud dana yang besar mungkin dalam tempoh empat atau lima tahun berjumlah hampir RM500 juta. Jumlah itu besar dan kita dapat melakukan pelbagai perkara dari segi pelaburan dan beri pulangan kepada syarikat dan peserta," katanya.

Selain itu, beliau berkata Felcra juga akan menubuhkan Kolej Felcra di Seberang Perak bagi membangunkan modal insan generasi Felcra.

"Di sebelah kolej itu kita juga akan bina pusat penyelidikan dan pembangunan," katanya.

Katanya Perdana Menteri dijangka melancarkan dana pelaburan berkenaan pada program perhimpunan itu dan juga menyampaikan geran tanah hak milik kekal kepada 1,300 peserta Felcra di Seberang Perak.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645113>